

Kosmo
27/7/17
mls 6

Tindakan negara Eropah itu bagi atasi pencemaran udara akibat asap kenderaan

Britain haram kereta petrol, diesel

LONDON – Britain akan mengharamkan penjualan kereta dan van baharu yang menggunakan enjin petrol atau diesel mulai tahun 2040 bagi mengatasi masalah pencemaran udara, kata kerajaan dalam satu pengumuman semalam.

Menteri Alam Sekitar, Michael Grove berkata, kereta dan van menggunakan petrol atau diesel akan diharamkan sepenuhnya di jalan raya Britain pada tahun 2050.

Langkah itu menyusul selepas kerajaan Perancis membuat pengumuman serupa awal bulan ini.

“Hari ini (semalam) kami mengesahkan bahawa tidak ada lagi kenderaan baharu menggunakan enjin diesel atau petrol menjelang tahun 2040,” kata beliau kepada stesen radio BBC.

Grove membentangkan pelan memerangi pencemaran udara bernilai AS\$3.9 bilion (RM16 bilion) semalam.

Rancangan itu menuntut pihak berkuasa tempatan mengemukakan langkah-lang-



KERATAN Kosmo! 8 Julai 2017.

kah untuk mengurangkan paras pengeluaran gas nitrogen dioksida (NO₂) daripada asap kenderaan menjelang Mac 2018, demikian menurut laporan akhbar tempatan.

Pengharaman itu turut memabitkan kenderaan hibrid yang dijana tenaga elektrik bersama enjin petrol atau diesel.

Mahkamah Tinggi Britain sebelum ini menuntut kerajaan menghasilkan pelan untuk menangani pencemaran gas NO₂ yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pelepasan asap diesel.

Draf pelan itu disiarkan pada



KENDERAAN elektrik yang tidak mencemarkan alam sekitar akan menguasai jalan raya di Britain menjelang tahun 2040.

Mei lalu, namun laporan sepenuhnya tertangguh berikutan pilihan raya umum mengejut yang diadakan pada bulan lalu.

Di bawah pelan tersebut, Britain akan menyediakan peruntukan berjumlah AS\$332 juta (RM1.4 bilion) kepada majlis

pentadbiran tempatan untuk mengurangkan pengeluaran NO₂ kepada paras yang dibenarkan undang-undang negara.

Pelan sama antara lain menyarankan pembuangan bonggol kelajuan, memprogramkan semula lampu isyarat dan mengubah

susunan jalan raya.

Pada awal bulan ini, Volvo menjadi pengeluar kereta utama yang pertama menetapkan tarikh akhir untuk menamatkan pengeluaran kereta berenjin petrol dan diesel.

Volvo berkata, semua model keretanya yang dilancarkan selepas tahun 2019 akan dilengkapi sama ada enjin elektrik atau hibrid.

Dalam pada itu, permintaan untuk kereta diesel di Britain menurun 10 peratus sepanjang enam bulan pertama tahun ini manakala jualan kenderaan petrol meningkat 5 peratus, demikian menurut data industri.

Jualan kenderaan hibrid dan elektrik pula bertambah hampir 30 peratus sepanjang tempoh sama sekali gus segmen paling pantas berkembang di pasaran, namun ia hanya merangkumi 5 peratus daripada keseluruhan kereta baharu yang didaftarkan di Britain.

– AFP/Reuters